



Jabatan Perdana Menteri

PELAN STRATEGIK JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA 2021 - 2025



JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA



ISI KANDUNGAN

Perutusan Ketua Pengarah Insolvensi

Bab 1 : Pendahuluan

Tujuan Pelan Strategik Mdl 2021 - 2025
Ringkasan Eksekutif
Sejarah Penubuhan dan Penjenamaan Mdl
Penjenamaan Gelaran Jawatan Ketua Jabatan
Carta Organisasi
Maklumat Perjawatan dan Pengisian*
Punca Kuasa
Fungsi dan Peranan Jabatan
Pihak Berkepentingan, Pelanggan, dan Rakan Strategik

1

2-7

Bab 2 : Senario Perubahan Persekitaran

Perubahan Nilai Ambang Keberhutangan
Lensa Mdl

8

Bab 3 : Hala Tuju Mdl

Visi dan Misi Mdl
Objektif Mdl
Nilai Teras Mdl
6k Budaya Kerja Cemerlang Mdl
Isu dan Cabaran
Teras Pelan Strategik Mdl 2021 - 2025
Faktor Kejayaan Kritikal
Mekanisma Pelaksanaan

9-41

Bab 4 : Rumusan

Penutup

42

PERUTUSAN KETUA PENGARAH INSOLVENSII

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.



Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua Pelan Strategik Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) 2021-2025 dapat dizahirkan. Pelan ini penting bagi menentukan hala tuju Mdl bagi lima (5) tahun yang akan datang. Saya mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak editorial yang begitu komited dan dedikasi dalam menyediakan Pelan Strategik Mdl 2021-2025. Sesungguhnya ia adalah hasil perancangan yang mantap dalam usaha untuk senantiasa menambah baik sistem perkhidmatan Mdl.

Pelan Strategik ini bertujuan untuk memperkukuhkan komitmen Mdl bagi menerajui tadbir urus hal ehwal insolvensi di negara ini, berpandukan akta dan peraturan yang berkuatkuasa. Setiap strategi dan program yang dirancang dilengkapi dengan petunjuk prestasi yang jelas bagi memastikan keberhasilan setiap tindakan yang dirancang dan memberi manfaat yang optimum. Pelan Tindakan yang digubal memberi fokus kepada keutamaan pelaksanaan secara sistematik bagi mewujudkan impak tinggi dengan kos yang optimum dan memberi nilai untuk wang (*value for money*) dalam tempoh pelaksanaan Pelan Strategik.

Saya berharap agar Pelan Strategik Mdl 2021- 2025 ini menjadi dokumen rujukan kepada seluruh warga Mdl dalam melaksanakan peranan masing - masing ke arah mencapai visi Jabatan. Semua pelan tindakan yang telah dirancang bukan sahaja perlu dilaksanakan dan dipantau sebaiknya malah perlu dikaji keberkesanannya melalui kajian - kajian impak yang sesuai. Dengan ini barulah tindakan pembetulan, penambahbaikan dan pencegahan dapat diambil untuk memberi nilai tambah yang lebih tinggi dalam setiap inisiatif yang bakal dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

DATO' ANITA HARUN

Tujuan Pelan Strategik Mdl 2021-2025

Menyatukan semua strategi dan program yang telah dirancang untuk diselaras dan dilaksanakan secara sistematik dan bersepadu bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan

Menjadi sumber rujukan utama Mdl bagi menentukan pelaksanaan aktiviti setiap Bahagian / cawangan Mdl adalah selaras dengan hala tuju strategik Mdl secara keseluruhan

Memusatkan segala komitmen dan fokus seluruh ahli keluarga Mdl bagi menjayakan visi dan misi organisasi dan agenda nasional

Ringkasan Eksekutif

- 1 Pelan Strategik Mdl 2021-2025 merupakan dokumen hala tuju Mdl bagi tempoh lima (5) tahun yang akan datang untuk dijadikan sebagai panduan bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dokumen ini merupakan salah satu usaha Mdl bagi membentuk budaya kerja yang unggul serta identitinya yang tersendiri sebagai peneraju pengurusan hal ehwal insolvensi melalui pematuhan dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.
- 2 Pelan Strategik Mdl 2021-2025 telah diujarkannya seiring dengan dasar semasa dan agenda kerajaan seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025, Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 serta Pelan Anti Rasuah Mdl 2022-2025.
- 3 Pelan Strategik Mdl 2021-2025 terdiri daripada enam (6) Teras Strategik, 25 strategi dan 65 program yang telah diterjemahkan sebagai Pelan Tindakan bagi memberi lonjakan kepada sistem penyampaian perkhidmatan Mdl khususnya kepada kumpulan sasaran yang ditetapkan dan para pemegang taruh.

Sejarah Penubuhan dan Penjenamaan Mdl

1924

Hal ehwal harta kebangkrapan dikendalikan oleh seorang Pemegang Harta Pertama

1949

"Bankruptcy Office" diwujudkan

1966

Jabatan Muflis digabungkan dengan Pejabat Amanah Raya namun dipisahkan kemudiannya.

1969

Jabatan Kebankrapan Malaysia

1974

Jabatan Pemegang Harta

2003

Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)



Penjenamaan Gelaran Jawatan Ketua Jabatan

1974


Pegawai Pemegang Harta



2003

Ketua Pengarah Insolvensi

Carta Organisasi



Maklumat Perjawatan dan Pengisian*

BIL.	KUMPULAN PERKHIDMATAN	JAWATAN	ISI	KOSONG
1.	Pengurusan Tertinggi	3	3	0
2.	Pengurusan dan Profesional	56	47	9
3.	Kumpulan Pelaksana I (gred 19 - 40)	980	906	74
4.	Kumpulan Pelaksana II (gred 11 - 14)	103	100	3
	JUMLAH	1142	1056	86

*data pada 22.3.2022

Punca Kuasa

Punca kuasa bagi Mdl menjalankan fungsi dan peranannya adalah seperti berikut:



Fungsi Dan Peranan Jabatan

1. Mentadbir hal ehwal bankrap mengikut Akta Insolvensi 1967 dan Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017;
2. Melaksanakan fungsi sebagai penyelesaian sementara atau penyelesaian yang dilantik bagi syarikat-syarikat yang digulungkan mengikut peruntukan Akta Syarikat 2016 dan Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972;
3. Mentadbir hal ehwal pertubuhan yang dibatalkan mengikut Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984;
4. Mentadbir hal ehwal kesatuan sekerja mengikut Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959;
5. Menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan apa-apa kesalahan yang disyaki dilakukan oleh bankrap atau pengarah syarikat di bawah Akta Insolvensi 1967, Akta Syarikat 2016, Akta Pertubuhan 1966, Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan di bawah mana-mana perundangan lain yang berkaitan dengan kebangkrapan atau penggulungan syarikat;
6. Menjalankan pendakwaan bagi semua jenis kes jenayah dan kuasi jenayah di bawah Akta Insolvensi 1967 dengan izin Pendakwa Raya;
7. Menjadi sumber rujukan kepada Jabatan dan Kerajaan bagi apa-apa masalah perundangan mengenai kebangkrapan atau penggulungan syarikat yang timbul;
8. Mewakili Kerajaan, Jabatan, bankrap dan syarikat yang digulungkan dalam semua perbicaraan sivil di mahkamah;
9. Menyediakan khidmat carian status kebangkrapan individu dan status penggulungan syarikat;
10. Menguruskan hal ehwal kewangan Jabatan dan perakaunan insolvensi serta menjalankan aktiviti penghasilan bagi pihak Kerajaan melalui sumber-sumber di bawah kawalan yang dibenarkan di bawah Akta Insolvensi 1967, Akta Syarikat 2016, Akta Tatacara Kewangan 1957 atau Arahan Perbendaharaan; dan
11. Mengurus dan mengawal selia pentadbiran ibu pejabat dan semua pejabat cawangan Jabatan Insolvensi Malaysia seluruh Malaysia.

Pihak Berkepentingan, Pelanggan, dan Rakan Strategik

PIHAK BERKEPENTINGAN

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Parlimen • Timbalan Perdana Menteri • Ketua Setiausaha Negara | <ul style="list-style-type: none"> • Perdana Menteri • Menteri di Jabatan Perdana Menteri • Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang |
|---|---|

PELANGGAN


- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Pemiutang • Majlis Peguam • Rakyat | <ul style="list-style-type: none"> • Penghutang • Persatuan-Persatuan Bank |
|--|--|

RAKAN STRATEGIK

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Lembaga Hasil Dalam Negeri • Kumpulan Wang Simpanan Pekerja • Jabatan Peguam Negara • Pejabat Tanah dan Galian • Jabatan Perkhidmatan Awam • Institusi Kewangan • Mahkamah • Pertubuhan Bukan Kerajaan | <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pengangkutan Jalan • Jabatan Imigresen Malaysia • Kementerian Kewangan Malaysia • Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia • Suruhanjaya Syarikat Malaysia • Jabatan Pendaftaran Negara • Pelikuidasi Swasta |
|---|---|

Senario Perubahan Persekitaran

Perubahan Nilai Ambang Keberhutangan



Lensa Mdi

Sektor perbankan diminta terus bantu peminjam dalam kesulitan

Disember 16, 2021 @ 7:00pm



KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menggesa bank agar terus membantu peminjam yang menghadapi kesulitan kewangan untuk membayar semua pinjaman mereka dan menangguk tindakan undang-undang terhadap peminjam yang gagal membayar balik hutang.

Beliau berkata, peminjam yang masih memerlukan bantuan disarankan untuk segera menghubungi bank masing-masing bagi membincangkan pilihan penstrukturan dan penjadualan semula yang bersesuaian.

"Kerajaan mengambil maklum usaha sektor perbankan yang tidak terlalu cepat mengambil jalan mudah untuk terus meletakkan mereka yang benar-benar menghadapi kesulitan dalam senarai hitam peminjam atau senarai muflis," katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Sidang Dewan Rakyat 24.8.2020 m/s 16

RUU tingkat nilai ambang kebangkrupan dilulus

Jumlah hutang minimum dinaik daripada RM50,000 kepada RM100,000 bagi isytihar muflis

Kuala Lumpur: Dewan Rakyat semalam meluluskan Rang Un-

ter, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Takiyuddin Hasan pada 12 Ogos lalu, diluluskan tanpa sebarang pindaan menerusi undian suara.

Takiyudin ketika mengulangi RUU berkenaan berkata, pindaan itu dibuat berkaitan data di Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) menunjukkan individu berusia 35 tahun ke bawah adalah golongan paling tinggi terjejas.

Kerajaan sudah mengkaji undang-undang berkaitan muflis melalui Akta Kebankrupan (Pinda-



Pindaan dibuat berikutan data di Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) menunjukkan individu berusia 35 tahun ke bawah adalah golongan paling tinggi terjejas.

Takiyuddin Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Hong Kong mengambil masa empat tahun, tiga tahun di Thailand, Australia dan New Zealand. "Orang muflis dalam memohon Pelepasan Automatik ini hendak-



Abdul Rahman Putra (dua dari kanan) menyerahkan Ikrar Bebas Rasuah kepada Junjeh pada majlis penutup sambutan Bulan Kemendekaan dari Taktik Akta Insolvensi 2016 di Putrajaya, semalam.

Akta A1534 kurangkan individu bankrap

Kuat kuasa bulan depan, turut beri manfaat peminjam

Oleh Zenariah Abd Mutalib zenariah_mutalib@com.my Putrajaya

Jumlah individu diisytiharkan bankrap setelah Akta Insolvensi 2016 (Akta A1534) dikuatkuasakan bulan depan. Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi, Datuk Abdul Rahman Putra Taha, berkata sehingga kini, 24,000 jen individu bankrap ditadkat sahkan itu, dengan 20,000 jen kulanya setiap tahun.

"Akta baharu yang diluluskan pada 28 Ogos lalu ini membantu pihak yang bankrap melepaskan diri daripada bebanan hutang dan penitang menagih dengan lebih pantas."

Salah satu sebab selepas meluluskan Majlis Perancang Strategik Bulan Kemendekaan dari Taktik Akta Insolvensi 2016 di sini, semalam, Abdul Rahman Putra berkata, di bawah bahagian 338, akta baharu itu, pelbagai automatik layak diberi kepada individu bankrap selepas terjejas tiga tahun, selepas memenuhi syarat-syarat minimum dan syarat lain ditetapkan.

"Di bawah Seksyen 338, mereka akan dilepaskan dalam masa tiga tahun dengan jumlah sokongan bantuan yang lebih rendah, namun mesti memenuhi syarat termasuk mendedi penitang, perbelanjaan dan bayaran kesetiaan," katanya. Akta Insolvensi 2016 yang akan menggantikan Akta Kebankrupan 1967 turut merangkumi tajuk perubahan dasar lain iaitu penjamin untuk tidak boleh diisytiharkan muflis/petisyen bankrap yang masih disempurnakan secara berketidapan dan perundangan dijalankan apabila perundangan secara sukarela membolehkan penitang atau muflis agar dapat melepaskan beban hutang bagi membolehkan perniagaan bankrap dijalankan.

Nilai minimum dinaikkan Selain itu, nilai minimum kebangkrutan dinaikkan daripada RM50,000 kepada RM100,000, penitang tidak boleh menuntut bantuan sekiranya pihak yang bankrap dilepaskan jika mempunyai denda, seorang penjamin sosial, pesakit kronik atau orang kelainan upaya, sistem pengiraan Perintah Penyerahan dan Perintah Pengalihan serta membolehkan Tahap Bantuan Insolvensi.

Pada majlis itu, Abdul Rahman Putra turut mengesahkan bersetuju dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah, sambil diucapkan Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Roshdi Wardi.

Visi Mdl

Untuk menjadi peneraju pengurusan insolvensi melalui pentadbiran, perkhidmatan dan penguatkuasaan yang efisien dan dinamik.

Misi Mdl

Menguruskan hal ehwal insolvensi dengan integriti, saksama dan profesional untuk menjaga dan mengimbangi kepentingan pelanggan bagi meminimakan impak kegagalan pengurusan kewangan.

Objektif Mdl

1

Memperkukuh pentadbiran, perkhidmatan dan penguatkuasaan pengurusan insolvensi.

2

Memperkukuh pelaksanaan dan pematuhan undang-undang insolvensi.

3

Meningkatkan kerjasama dan perkongsian strategik.

4

Memantapkan keupayaan dan kemampuan Mdl.

Nilai Teras Mdl

Nilai teras Mdl yang menjadi amalan dan pegangan oleh setiap warganya bertujuan memupuk dan menyemai semangat kekitaan dan kebersamaan di kalangan keluarga Mdl dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Nilai Teras Mdl adalah seperti berikut:

01

AKAUNTABILITI:

Kami berani bertanggungjawab dan berdepan risiko dalam setiap tindakan.

02

INTEGRITI:

Kami jujur, amanah, beretika tinggi dan bertindak berdasarkan peraturan dan undang-undang.

03

KERJA BERPASUKAN:

Kami bersatu berganding bahu dan bergantung antara satu sama lain dalam menempa kejayaan.

04

INOVATIF:

Kami sentiasa mencari idea-idea yang kreatif dan inovatif serta melihat perubahan sebagai peluang dalam berinovasi.

05

PROFESIONAL:

Kami berwibawa, komited, berdedikasi dan profesional sepanjang masa.

Budaya Kerja

Budaya Kerja Positif Adalah
Perlu Bagi
Memastikan Hala Tuju
Jabatan Dapat
Dilaksanakan Dengan
Sempurna Dan Teratur.

6K Budaya Kerja Cemerlang Mdl

Budaya kerja cemerlang yang diamalkan oleh setiap warga Mdl dapat menjamin kelangsungan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Budaya kerja cemerlang yang dimaksudkan ialah:

Ketepatan

Mempraktikkan pengurusan masa yang efektif, memberi maklumat yang tepat serta membuat keputusan dengan tepat.

Kemahiran

Berkemampuan dan sanggup untuk berfikir secara kritis dan kreatif dalam membina, menjana dan mengembangkan idea baharu. Mahir berfikir secara kritis dalam menganalisis data dan keperluan pelanggan.

Komitmen

Menjalankan tugas dengan penuh iltizam bagi mencapai objektif Jabatan.

Konsistensi


Menjalankan tugas dengan konsisten bagi mencapai kecekapan dan kredibiliti Jabatan.

Kebolehpercayaan

Amanah dalam menjalankan tugas.

Kecemerlangan

Sentiasa berusaha yang terbaik bagi menjadikan Jabatan sebagai agensi terkemuka dalam memberi perkhidmatan.



Isu dan Cabaran

Mendepani perubahan persekitaran yang kompleks dan tidak menentu misalnya pandemik COVID-19, Pelan Strategik ini turut menjangka dan menganalisa cabaran-cabaran baharu serta impaknya kepada penyampaian perkhidmatan Mdl pada masa hadapan. Mdl sentiasa peka terhadap kewujudan cabaran terkini yang boleh mendatangkan kesan kepada Jabatan ini dalam mencapai sasaran Pelan Strategik yang ditetapkan. Isu-isu semasa seperti tahap kesihatan urusan Kerajaan yang berpaksikan kepada teknologi maklumat dan komunikasi memberi cabaran yang lebih kompleks kepada kesinambungan dan penyampaian perkhidmatan Mdl. Antara cabaran utama yang dihadapi adalah seperti yang berikut:

Perancangan Pasca COVID-19

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan keperluan penilaian semula pendekatan perancangan fizikal untuk dilaksanakan secara maya atau dalam talian pada masa hadapan. Ini penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas terutamanya apabila bertemu pelanggan secara fizikal, menjalankan lawat periksa di lapangan, menguruskan penghasilan aset dan melaksanakan operasi kewangan iaitu pembayaran dividen kepada pemiutang yang telah memfailkan bukti hutang sekiranya pegawai terpaksa dikuarantin. Penekanan kepada aspek penjagaan kesihatan serta penyediaan ruang fizikal penyusunan pejabat terbuka berkongsi serta pembersihan premis secara menyeluruh perlu dititikberatkan.

Transformasi Dasar Pembangunan dan Wawasan Negara

Pelan Strategik Mdl ini dirangka dengan mengambil kira elemen Rancangan Malaysia ke 12 dan dasar-dasar semasa kerajaan. Dalam konteks ini, Pelan Tindakan yang digariskan di dalam Pelan Strategik 2021 - 2025 telah diujarkan seiring dengan agenda nasional berdasarkan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju dalam semua aspek iaitu ekonomi, politik, sosial, kerohanian, keselamatan, psikologi dan budaya berteraskan prinsip "Keluarga Malaysia". Sehubungan dengan itu, Pelan Strategik ini merupakan satu pelan yang melakar perjalanan perkhidmatan yang bakal disampaikan oleh Mdl.

Transformasi Pemikiran dan Minda

Cabaran utama Pegawai Insolvensi adalah kesediaan untuk berubah dan menjadikan profesion ini sentiasa ke hadapan dan relevan dengan keperluan semasa. Keperluan pegawai mempunyai minda yang terbuka dan bersedia menerima perubahan terutama merekayasa proses kerja serta merevolusikan pembaharuan amat penting untuk membawa lonjakan paradigma ke arah mentransformasikan Jabatan ini ke tahap pengurusan kegemilangan dan keunggulan sejajar dengan tahap insolvensi di peringkat antarabangsa.

Penguasaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Penggunaan teknologi bukan sahaja menghasilkan cara dan kaedah baharu penyampaian perkhidmatan tetapi juga memudahkan operasi sesebuah organisasi. Kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menyediakan ruang kepelbagaian fungsi yang inovatif dan interaktif dan turut menuntut kemampuan dan kemahiran pengguna untuk mengaplikasikannya di dalam sistem penyampaian perkhidmatan. Usaha-usaha ke arah pendigitalan proses kerja akan dipergiatkan dalam tempoh pelaksanaan Pelan Strategik. Inisiatif ini termasuklah pembangunan sistem aplikasi telefon mudahalih, dan kemudahan kad kredit/debit di kaunter bagi pembayaran tanpa tunai (*cashless*). Perkembangan teknologi terutamanya selepas COVID-19 yang melanda negara memerlukan warga kerja berpengetahuan tinggi. Pada masa yang sama, khidmat nasihat yang diberikan juga perlu relevan dengan perkembangan teknologi semasa. Mdl perlu selangkah ke hadapan dalam mengenalpasti dan menganalisa perubahan budaya perkhidmatan awam dan kemunculan ancaman-ancaman keselamatan baharu yang berteraskan teknologi.

Pembentukan Prosedur dan Peraturan Bersesuaian

Penambahbaikan terhadap Manual Prosedur Kerja (MPK) sedia ada perlu dipergiatkan memandangkan terdapat Arahan Ketua Pengarah Insolvensi dan Arahan Pegawai Penerima yang perlu dikaji semula. MPK sedia ada ini perlu ditambah baik bagi menghapuskan kerenah birokrasi dan penghalang kepada kejayaan melaksanakan amalan-amalan pengurusan yang baik, cekap dan berkesan serta menggalakkan perkongsian maklumat dan daya kreativiti di peringkat pengurusan atasan dan seluruh warga Mdl. Para pegawai perlu memahirkan diri dan cakna melaksanakan MPK terkini dalam urusan kerja seharian.

Peningkatan Kesedaran Orang Awam

Stigma Mdl membankrapkan masyarakat sangat sinonim mahupun Mdl bertindak untuk membantu bankrap dan pihak berkepentingan. Menyedari keperluan landasan untuk kumpulan masyarakat, program Mdl Prihatin wajar dipergiatkan sama ada dengan mengunjungi bankrap, penyampaian ceramah mahupun pembukaan *booth* di mana ia membuka ruang kepada masyarakat mendapat pelbagai maklumat serta membolehkan pelanggan berinteraksi secara langsung dengan Mdl. Perkara utama yang perlu diterapkan kepada bankrap apabila telah diisytiharkan bankrap ialah segera hadir ke cawangan Mdl yang mentadbir kes dan membuang sifat malu atau segan.

Teras Pelan Strategik Mdl 2021-2025

01

Memperkasakan tadbir urus dan membangunkan kapasiti organisasi bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan insolvensi.

02

Merekayasakan pentadbiran kebangkrapan, penggulangan syarikat, kesatuan sekerja dan pertubuhan yang dibatalkan pendaftaran secara berterusan bagi menjamin pengurusan kes yang cekap dan berkesan.

03

Memantapkan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal insolvensi dengan efisien dan profesional.

04

Meningkatkan pematuhan perundangan dan pentadbiran insolvensi melalui penguatkuasaan yang aktif.

05

Mengoptimumkan penggunaan ICT dalam memudahkan perkhidmatan insolvensi.

06

Meningkatkan imej organisasi melalui jalinan kerjasama strategik.

Pelan Tindakan Mdl 2021 2025

Teras Strategik 1: Memperkasakan tadbir urus dan membangunkan kapasiti organisasi bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan insolvensi.

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
Memperkasakan Pengurusan Sumber manusia	(a) Penambahbaikan Struktur Organisasi	Menyediakan Kertas Cadangan Penstrukturan Semula/ Penambahbaikan / Pengukuhan Organisasi Melibatkan Pertambahan Jawatan Baru / Menaiktaraf Jawatan Sedia Ada/ Pindah Butiran / Pemansuhan Jawatan Atau Gred	Satu Kertas cadangan dihantar ke JPA	2022 - 2023	Bahagian Khidmat Pengurusan
	(b) Membangunkan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia Mdl	Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia Mdl	Satu Pelan Strategik dilancarkan	2022	
	(c) Program Peningkatan Kompetensi Pegawai Insolvensi	Pengukuran Kompetensi Pegawai Insolvensi	Setahun sekali	2021 - 2025	Bahagian Khidmat Pengurusan sebagai Penyelaras Semua bahagian sebagai penyedia Bank Soalan

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
	(d) Program Latihan Teknikal	Menghasilkan pegawai ICT yang kompeten dan berkemahiran tinggi	Setiap pegawai ICT mempunyai kemahiran teknikal melalui sijil yang diiktiraf (Certified Course)	Setiap Tahun	Bahagian Teknologi Maklumat Bahagian Khidmat Pengurusan
	(e) Bengkel kemahiran perisian / aplikasi ICT untuk kakitangan Mdl	Memastikan setiap kakitangan Mdl yang menghadiri bengkel mempunyai kemahiran perisian / aplikasi ICT	Setiap kakitangan Mdl yang menghadiri bengkel kemahiran perisian / aplikasi ICT melalui sijil yang diiktiraf (Certified Course)	Setiap Tahun	Bahagian Teknologi Maklumat Bahagian Mahkamah (pendengaran kes secara maya)

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Kondusif	(a) Menyediakan Pelan Pengurusan Risiko (b) Menyediakan prasarana dan fasiliti pejabat yang selesa dan selamat	(a) Penghasilan Pelan Pengurusan Risiko (b) Bilangan Pejabat Cawangan dinaiktaraf prasarana	1 Pelan Pengurusan dihasilkan Tertakluk kepada Peruntukan Kewangan	2023 2021 - 2025	Bahagian Khidmat Pengurusan
Memperkasa Pengurusan Kualiti Jabatan	(a) Pengurusan Kerja Berkualiti (b) Meningkatkan Budaya Kreatif dan Inovatif	Tahap kepuasan Pelanggan Dalam Terhadap Perkhidmatan Meningkatkan penyertaan dalam anugerah kualiti di peringkat JPM	2 soal selidik melibatkan perkhidmatan sokongan Jabatan dalam tempoh setahun	2021 - 2025	Bahagian Khidmat Pengurusan
			Sekurang- kurangnya 1 calon dalam anugerah kualiti setiap tahun tertakluk kepada penganijuran JPM	2021 - 2025	Bahagian Khidmat Pengurusan sebagai Penyelaras Semua bahagian dan cawangan

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
	(c) Penerapan budaya inovasi dalam penambahbaikan proses kerja	Pelaksanaan Bengkel Pemudahcara	Sekurang-kurangnya satu (1) inovasi berkaitan dihasilkan setiap tahun	Setiap Tahun	Bahagian Khidmat Pengurusan
Menerapkan dan Membudayakan Nilai-Nilai Murni	Pelaksanaan 1 Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP)	Menyediakan 1 Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP)	1 Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) dilancarkan pada penghujung 2021	2022 - 2025	Penglibatan Semua Bahagian Unit Integriti (Urusetia)
Membudayakan Imej Korporat	Mengadakan program / aktiviti pembudayaan korporat	Bilangan program / aktiviti yang diadakan	Mengikut keperluan	2021 - 2025	Bahagian Dasar Perundangan dan Komunikasi Strategik

Teras Strategik 2 : Merekayaskan Pentadbiran Kebankrapan, Penggulangan Syarikat, Kesatuan Sekerja dan Pertubuhan yang Dibatalkan Pendaftaran Secara Berterusan Bagi Menjamin Pengurusan Kes yang Cekap dan Berkesan.

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
Perekayasaan Operasi	(a) Penyemakan dan Pemurnian Arahan Jabatan	Menyemak / Menambah baik / Mengemas kini arahan - arahan Jabatan agar selaras dengan peruntukan undang-undang semasa	Semua Arahan Jabatan disemak / ditambah baik / dikemas kini	2021 - 2025	Bahagian Dasar Perundangan dan Komunikasi Strategik sebagai Penyelaras Bahagian Teknologi Maklumat untuk kemaskini dalam Intranet Mdl
	(b) Pemantapan Manual Prosedur Kerja (MPK)	MPK Jabatan disemak semula agar selaras dengan peruntukan undang-undang dan proses kerja semasa	MPK Jabatan mematuhi undang-undang dan proses kerja semasa	2022	Bahagian Khidmat Pengurusan sebagai Penyelaras

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
Transformasi Landskap dan Kerangka Undang-undang Kebankrapan	(a) Lanskap dan Kerangka Baharu Undang-undang Kebankrapan	Menyediakan kerangka baharu undang-undang kebankrapan selaras dengan perlembagaan, dasar dan polisi semasa Kerajaan serta amalan terbaik antarabangsa	Satu kerangka undang-undang kebankrapan yang baharu disediakan	2021 - 2025	Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik
	(b) Penggubalan Kaedah-Kaedah Kebankrapan yang baharu	Menggubal kaedah-kaedah kebankrapan yang baharu selaras dengan proses kerja yang berinovatif dan mengadaptasi amalan terbaik antarabangsa	Satu kaedah- kaedah kebankrapan yang baharu diwartakan	2021 - 2025	Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik
Kerjasama Antarabangsa mengenai Insolvensi	Pelaksanaan Insolvensi Rentas Sempadan	Penglibatan dalam sesi penyediaan Kerangka undang-undang mengenai rentas sempadan di bawah UNCITRAL Menurut perlembagaan dan undang-undang domestik dan antarabangsa	Menghadiri program sesi libat urus tersebut	2021 - 2025	Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik

Teras Strategik 3: Memantapkan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal insolvensi dengan efisien dan profesional.

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
Memantapkan pematuhan perundangan dan polisi insolvensi di kalangan warga jabatan	Lawatan Naziran	Peningkatan peratus pematuhan	Kadar pematuhan 100% atas proses kerja dan juga undang-undang berkaitan	2021 - 2025	Bahagian Dasar Perundangan dan Komunikasi Strategik
Mentadbir kes kebangkrutan secara efisien bagi mencapai kecemerlangan operasi	(a) Menyelesaikan pentadbiran kes kebangkrutan yang aktif dengan cecap dan teratur	50,000 kes diselesaikan	10,000 kes diselesaikan setiap tahun	2021 - 2025	Bahagian Kebankrapan
	(b) Menutup akaun bagi pentadbiran kes kebangkrutan yang tidak aktif	57,872 kes diselesaikan	11,574 kes diselesaikan setiap tahun	2021 - 2025	Bahagian Kebankrapan

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
	(c) Menyelesaikan pembayaran bagi lejar berstatus: (i) Pelepasan Sijil KPI (ii) Pelepasan melalui mahkamah (iii) Pembatalan melalui mahkamah (iv) Petisyen dibatalkan (v) Tiada petisyen (vi) WTD	Pengurangan Baki SBL	30% daripada jumlah keseluruhan Baki SBL setiap tahun	2021 - 2025	Bahagian Perakaunan
	(d) Menyelesaikan pembayaran bagi lejar berstatus:	Penutupan Akaun LMA-KPK	Peratus amaun LMA diselesaikan sebanyak 20% setiap tahun	2021 - 2025	Bahagian Perakaunan

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
Memperkuhkan pentadbiran hal ehwal insolvensi korporat bagi mencapai kecekapan dalam pembubaran syarikat	(a) Menyelesaikan pentadbiran kes likuidasi yang aktif dengan cekap dan teratur	1,500 kes diselesaikan	300 kes setahun	2021 - 2025	Bahagian Likuidasi
	(b) Menutup akaun bagi pentadbiran kes likuidasi yang tidak aktif	5,000 lejer estet ditutup	1,000 kes penggulangan syarikat setahun	2021 - 2025	Bahagian Likuidasi
	(c) Menyelesaikan pembayaran bagi lejar berstatus: (i) Wound up (ii) Stay Order Granted (iii) Dissolved (iv) Not Wound up	Pengurangan Baki SBL	30% daripada jumlah keseluruhan Baki SBL setiap tahun	2021 - 2025	Bahagian Perakaunan

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
	(v) Set Aside Order Granted (vi) Termination Order Granted (vii) WTD				
Memantapkan Pentadbiran Kes Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja yang Dibatalakan Pendaftaran	(a) Menguruskan pentadbiran pertubuhan dan kesatuan sekerja yang dibatalakan dengan cekap dan teratur	Jumlah kes diselesaikan meningkat	1000 kes pentadbiran pertubuhan setahun [Nota: Data Terkini Kes Kesatuan Sekerja = 101 kes]	2021 - 2025	Bahagian Likuidasi
	(b) Menutup akaun bagi pentadbiran kes pertubuhan dan kesatuan sekerja yang tidak aktif	Jumlah lejar estet yang ditutup	1000 kes pentadbiran pertubuhan setahun [Nota: Data Terkini Kes Kesatuan Sekerja = 101 kes]	2021 - 2025	Bahagian Likuidasi

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
	(c) Menyelesaikan pembayaran bagi lejar berstatus: (i) Deregistered (ii) Closed (iii) Not Deregistered (iv) WTD (Pertubuhan) (v) WTD (Kesatuan Sekerja)	Pengurangan Baki SBL	30% daripada jumlah keseluruhan Baki SBL setiap tahun	2021 - 2025	Bahagian Perakaunan
Melaksanakan penyeliaan berkesan terhadap penyelesaian yang diluluskan (PYD) bagi kes-kes melalui penggulungan Mahkamah	Pemantauan pentadbiran kes yang ditadbir oleh PYD bagi kes-kes melalui penggulungan Mahkamah	Memastikan PYD mematuhi undang-undang insolvency	70 kes setahun	2021 - 2025	Bahagian Likuidasi

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
Meningkatkan penghasilan aset bagi kes insolvensi	Mengesan dan menzahirkan aset bagi kes insolvensi	Bilangan aset tak alih dan aset alih Kebankrapan/Likuidasi yang berjaya dikesan	Penghasilan aset ditingkatkan sebanyak 10% setahun	2021 - 2025	Unit Penilaian Harta
Penyelidikan dan Pembangunan (R & D) yang berterusan	Melaksanakan kajian dan penyelidikan mengenai isu-isu operasi	Menangani masalah pentadbiran kes insolvensi yang kompleks	Minimum 4 kajian setahun	2021 - 2025	Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik

Teras Strategik 4: Meningkatkan pematuhan perundangan dan pentadbiran insolvensi melalui penguatkuasaan yang aktif.

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
Menguatkuasakan undang-undang kebankrapan terhadap bankrap	(a) Meningkatkan kadar kehadiran bankrap melalui operasi pengesanan aset dan kehadiran bankrap	Peratusan peningkatan kehadiran bankrap dan membuat siasatan lanjut bagi kes bankrap yang mempunyai jumlah tuntutan hutang/POD yang tinggi	Peratusan kehadiran ditingkatkan 15% setahun	2021 - 2025	Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan
	(b) Meningkatkan bilangan bankrap yang membuat bayaran ansuran bulanan	Peratusan peningkatan bilangan bankrap yang membuat bayaran ansuran bulanan	Peratusan bilangan bankrap yang membuat bayaran ansuran bulanan ditingkatkan 10% setahun	2021 - 2025	Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan
	(c) Meningkatkan pemantauan terhadap pemfailan penyata pendapatan dan perbelanjaan enam bulan dengan cara mengeluarkan notis amaran kepada bankrap yang ingkar	Peratusan peningkatan pemantauan dan pengeluaran notis amaran terhadap bankrap yang ingkar	Jumlah pengeluaran notis amaran pemfailan penyata pendapatan dan perbelanjaan enam bulan bagi bankrap yang ingkar ditingkatkan sebanyak 5% setiap tahun	2021 - 2025	Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
Menguatkuasakan undang-undang kebancrapan terhadap pemiutang dan pihak ketiga	Mengambil tindakan terhadap pemiutang yang menerima apa-apa bayaran secara terus daripada bankrap/pihak ketiga	Berdasarkan aduan yang diterima	100 %	2021 - 2025	Bahagian Penyiataan dan Penguatkuasaan
Memperlingkatkan kecekapan dan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan dan pematuhan	Menjalankan latihan berhubung aktiviti penyiataan	Bilangan latihan jangka pendek diadakan setahun. Bilangan latihan jangka panjang diadakan setahun.	1 latihan setahun	2021 - 2025	Bahagian Penyiataan dan Penguatkuasaan

Teras Strategik 5: Mengoptimumkan penggunaan ICT dalam memudahkan perkhidmatan insolvency.

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
Memperkuhkan infrastruktur ICT	(a) Menyediakan kemudahan peralatan dan perisian ICT terkini untuk menyokong pengurusan dan pentadbiran jabatan	Spesifikasi perkakasan dan perisian mengikut peredaran teknologi semasa	100% peralatan ICT yang berusia lima(5) tahun ke atas dilupuskan dan diganti baru	2021 - 2025	Bahagian Teknologi Maklumat untuk tujuan perolehan baharu Bahagian Khidmat Pengurusan untuk tujuan pendaftaran pelupusan
	(b) Melaksanakan aktiviti penyelenggaraan berkala terhadap perkakasan dan perisian ICT (kontrak/ sendiri)	Peratusan Penyelenggaraan perkakasan dan perisian ICT	100% perkakasan dan perisian ICT diselenggara	Dua kali setahun (setiap 6 bulan)	Bahagian Teknologi Maklumat

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
	(c) Menyediakan pengurusan aduan kerosakan perkakasan dan perisian ICT yang efisien dan sistematik	Peratusan aduan kerosakan perkakasan dan perisian ICT yang dapat diselesaikan. Tempoh masa aduan diselesaikan.	100% aduan diterima, diambil tindakan dan diselesaikan dalam tempoh 3 hari bekerja	2021 - 2025	Bahagian Teknologi Maklumat
	(d) Menyediakan persekitaran infrastruktur ICT yang fleksibel, selamat dan efektif	Peratusan kebolehcapaian rangkaian	100% kebolehcapaian rangkaian	Setiap 3 bulan (suku tahun) Aktiviti pemantauan	Bahagian Teknologi Maklumat
	(e) Menambah baik sistem rangkaian ICT yang efisien (Wifi/LAN)	Peratusan kebolehcapaian rangkaian	100% kebolehcapaian rangkaian	Setiap 3 bulan (suku tahun) Aktiviti pemantauan	Bahagian Teknologi Maklumat
Meningkatkan penyampaian perkhidmatan melalui pengaplikasian ICT	(a) Melaksanakan perkhidmatan dalam talian yang interaktif	Bilangan perkhidmatan dalam talian yang dibangunkan dan dilaksanakan	Sekurang-kurangnya satu perkhidmatan dalam talian dibangunkan dan dilaksanakan setiap tahun	2021 - 2025	Bahagian Teknologi Maklumat Bahagian Perakaunan

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
	(b) Menyokong inisiatif ke arah Cashless Counter	1. Peningkatan bilangan transaksi tanpa tunai 2. Penambahan saluran pembayaran	98% transaksi tanpa tunai tahun 2025 5 saluran pembayaran dalam talian tambahan/ baru pada tahun 2025	2025	Bahagian Perakaunan
	(c) Membangunkan dan melaksanakan sistem pengurusan rekod secara digital (D.D.M.S)	Bilangan cawangan yang menggunakan sistem D.D.M.S	Ibu Pejabat Cawangan Besar Cawangan Sederhana	2022 - 2023	Bahagian Teknologi Maklumat Bahagian Khidmat Pengurusan- Penyediaan latihan kepada kakitangan

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
	(d) Mengadakan perkongsian pintar dengan agensi yang berkepentingan	Bilangan agensi yang berintegrasi dengan INSIST	2 agensi setahun	2021 - 2025	Bahagian Teknologi Maklumat Bahagian Dasar Perundangan dan Komunikasi Strategik
	(e) Pembangunan perkhidmatan e-Borang dalam INSIST	Penghantaran borang secara dalam talian	Pelancaran e-Borang	2021 & 2025	Bahagian Teknologi Maklumat Bahagian Perakaunan Bahagian Kebankrahan Bahagian Likuidasi

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
	(f) Mewujudkan satu persekitaran perkongsian maklumat (Knowledge Bank) di kalangan kakitangan Mdl	Pewujudan Knowledge Bank	Satu Knowledge Bank diwujudkan	2022 (cadangan Bahagian Perakaunan tertakluk kepada keputusan Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik dari segi penyelarasan maklumat dan Bahagian Teknologi Maklumat bagi ketersediaan sistem)	Bahagian Teknologi Maklumat Semua bahagian dan diselaraskan oleh Bahagian Dasar Perundangan dan Komunikasi Strategik
	(g) Pangkalan data pentadbiran insolvensi	Mewujudkan dan membangunkan pangkalan data mengenai pandangan undang-undang, kes perundangan dan hujahan kes	Satu pangkalan data diwujudkan	2025	Bahagian Teknologi Maklumat

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
	(h) Mewujudkan dan melaksanakan sistem pendigitalan fail kes insolvensi	Keseluruhan 21 cawangan Mdl menggunakan sistem pendigitalan fail kes insolvensi	Cawangan Besar Cawangan Sederhana Cawangan Kecil	2022 2023 2023	Bahagian Teknologi Maklumat
	(i) Membangunkan Sistem Perakaunan Insolvensi (eSPI)	Memenuhi keperluan landskap Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan	Sistem Go-Live pada 2023	2023	Bahagian Teknologi Maklumat Bahagian Perakaunan
	(j) Mewujudkan sistem Audit dan Risiko bagi menambahbaik pengoperasian kebankrapan dan kaedah pensampelan untuk pelaksanaan naziran	- Pensampelan naziran melalui sistem - Notifikasi risiko (triggers) bagi isu-isu /tindakan berkaitan pentadbiran kes kepada pegawai secara automatik melalui sistem	Sistem Go-Live pada 2023	2022	Bahagian Teknologi Maklumat Bahagian Perakaunan

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
	(k) Membangunkan Sistem Operasi Mdl	Mengantikan sistem INSIST 1.0 bagi memantapkan pentadbiran kes yang cekap dan berkesan	Sistem go-live pada 2025	2025	Bahagian Teknologi Maklumat Bahagian Kebankrapan
Mengukuhkan pembudayaan dan persekitaran ICT	Penyampaian maklumat berkaitan aplikasi/teknologi terbaru ICT (News Letter) melalui e-mel/Portal	Bilangan News Letter	Dua (2) News Letter setiap tahun	2021 - 2025	Bahagian Teknologi Maklumat

Teras Strategik 6: Meningkatkan imej organisasi melalui jalinan kerjasama strategik.

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
Meningkatkan kesedaran melalui program pendidikan	(a) Menerbitkan penulisan dalam media massa dan media sosial	Bilangan penerbitan	2 kali setahun	2021 - 2025	Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik
	(b) Menyertai program tv dan radio	Bilangan program radio dan tv yang disertai	Radio : 1 rancangan TV: Sekurang-kurangnya 1 kali setahun	2021 - 2025	Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik
	(c) Menyertai program tv dan radio	Bilangan program radio dan tv yang disertai	Radio : 1 rancangan	2021 - 2025	Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
	(d) Mengadakan siri jelajah	Bilangan siri jelajah	1 kali setahun	2021 - 2025	Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik
	(e) Mengadakan program untuk golongan belia (UA, US, KBS, KPM)	Bilangan program yang diadakan	2 kali setahun	2021 - 2025	Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik
	(f) Mengadakan program untuk sektor swasta	Bilangan program yang diadakan	Sekurang-kurangnya 2 program setahun	2021 - 2025	Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
Memperkukuhkan perkongsian strategik dengan agensi kerajaan dan agensi swasta yang berkepentingan	(a) Mengadakan sesi interaksi	Bilangan sesi interaksi yang diadakan	2 kali setahun	2021 - 2025	Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik
	(b) Kerjasama Antarabangsa <i>International Association of Insolvency Regulators</i>	(Kuantiti) Menghadiri persidangan IAIR (Kualiti) Mendapatkan amalan terbaik antarabangsa dalam perundangan insolvency	Setiap (1) kali pada setiap tahun	2021 - 2025	Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik
	(c) Program Penerapan Nilai-Nilai Murni	Program penerapan nilai-nilai murni	3 Program setiap tahun	2021 - 2025	Unit Integriti dan Bahagian Khidmat Pengurusan

Strategi	Program	Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti)	Sasaran (Bilangan Peratusan)	Tahun / Tempoh Sasaran	Unit Tindakan
Memperkasakan perkhidmatan kaunter dan meningkatkan kualiti perkhidmatan	Mewujudkan dan melaksanakan Transformasi Perkhidmatan Kaunter	Transformasi Perkhidmatan Kaunter dihasilkan	Satu Transformasi Perkhidmatan Kaunter diwujudkan dan dilaksanakan	2024 - 2025	Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik dan Bahagian Khidmat Pengurusan
Meningkatkan program Corporate Social Responsibility dalam kalangan masyarakat, pihak swasta dan agensi kerajaan	(a) Menjalankan program khidmat bakti masyarakat	Bilangan program khidmat bakti masyarakat yang dijalankan	Sekurang- kurangnya 1 kali setahun	2021 - 2025	Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik
	(b) Program Mdl Bertemu Pelanggan	Bilangan program bertemu pelanggan yang dijalankan	Sekurang- kurangnya 1 kali setahun	2021 - 2025	Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik

Faktor Kejayaan Kritikal

Kejayaan pelaksanaan Pelan Startegik Mdl 2021-2025 sesungguhnya bergantung kepada tujuh (7) faktor berikut yang perlu digembleng dan diuruskan secara strategik dan berkesan oleh seluruh warga Mdl.



Mekanisme Pelaksanaan


Sesuai perancangan akan berjaya dicapai dengan menjalankan langkah-langkah implementasi yang realistik dan boleh dilaksanakan. Mekanisme yang tepat akan menghasilkan *output* dan *outcome* seperti yang ditetapkan. Oleh yang demikian, beberapa mekanisme dikenal pasti seperti berikut:



Penutup

Pelan Strategik Jabatan Insolvensi Malaysia 2021-2025 telah digubal dengan iltizam warga Mdl bagi memastikan matlamat dan objektif yang disasarkan dapat direalisasikan.

Setiap warga Mdl adalah bertanggungjawab untuk memastikan pencapaian visi dan misi Pelan Strategik ini. Komitmen, kesungguhan, ketekunan dan kerjasama yang jitu di kalangan warga Mdl merupakan ramuan utama bagi mencapai hasrat murni tersebut dan seterusnya membawa Mdl melakar kecemerlangan sebagai agensi berprestasi tinggi dan terkemuka dalam pengurusan hal ehwal insolvensi di negara ini.



Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada
Pengurusan Tertinggi, Pengarah Bahagian
dan semua pegawai yang telah membantu dalam
pembangunan buku ini sama ada
secara langsung atau tidak langsung.



Jabatan Perdana Menteri

JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA

Jabatan Perdana Menteri
Aras 2-3, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang,
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62692 Putrajaya

Telefon: 03 - 8885 1000

Faks: 03 - 8885 1303

E-Mel: informasi.aduan@mdi.gov.my